

**AL-KHABAR LANGUAGE ALPHABET IN TWO WAYS DIALOGUE IN AL-QUR'AN)  
(LARAS BAHASA AL-KHABAR DALAM AYAT-AYAT DIALOG DUA HALA AL-QUR'AN)**

Mohd Abdul Nasir Abd Latif,<sup>1</sup> Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi,<sup>2</sup>  
Sofyuddin Yusof<sup>3</sup> Muhammad Hasbi Abd. Rahman<sup>4</sup>

**ABSTRACT**

This study is about the al-Khabar language alphabet that contained in the verses of the two-way dialogue in the Qur'an. The dialogue paragraph applies question-answer between two parties. *Al-Khabar* is a speech that has the probability of authenticity or falsity. The purpose of this study is to explore the method of delivery of *al-khabar* by the al-qur'an dialogue process and analyze its functionality. The analysis is carried out using a qualitative approach by making the theory of al-Hashimi, al-Samarra'i and al-Jurjani as the basic framework of analysis. The findings show that not all bilateral dialogues in the Qur'an begin with the first level and end up with the third level. There is dialogue that only uses Ibtida level, level of Talibi and Inkari. The findings also show the *jumlah ismiyyah* used in verses in the form of Divine recognition while the *jumlah ismiyyah* and *jumlah fi'liyyah* are both used in the context of attitude, behavior and actions. For the purpose of eternity, al-Khabar's alphabet also uses the *al-Shart wa al-Jawab* language style.

Keywords; *al-Khabar*, Dialogue in al-Qur'an, *Jumlah Fi'liyyah*, *Jumlah Ismiyyah*.

**ABSTRAK**

Kajian ini berkaitan laras bahasa al-Khabar yang terdapat dalam ayat-ayat dialog dua hala al-Qur'an. Ayat dialog berlaku secara soal-jawab antara dua pihak. *al-Khabar* merupakan suatu ucapan yang mempunyai kebarangkalian keesahan atau kepalsuan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka metode penyampaian *al-khabar* oleh pekata dialog al-qur'an dan menganalisis fungsinya. Analisis yang dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menjadikan teori al-Hashimi, al-Samarra'i dan al-Jurjani sebagai kerangka asas analisis. Dapatan menunjukkan tidak semua dialog dua hala dalam al-Qur'an bermula dengan tahap pertama dan berakhir dengan tahap ketiga. Terdapat dialog yang hanya menggunakan tahap *Ibtida'*, tahap *Talibi dan Inkari* dan tahap *Ibtida'*, *Talibi dan Inkari*. Dapatan juga menunjukkan *jumlah ismiyyah* digunakan dalam ayat-ayat berbentuk pengakuan ketuhanan manakala jumlah ismiyyah dan jumlah fi'liyyah kedua-duanya digunakan dalam konteks perbincangan sikap, tingkah laku dan

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. muhd.nasir@fsk.upsi.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. zulfiqar@fsk.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. sofyuddin@unisza.edu.my.

<sup>4</sup> Pensyarah, Jabatan Jabatan Kewarganegaraan dan Kemasyarakatan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. muhar@fsk.upsi.edu.my

tindakan. Bagi tujuan maksud kekekalan, laras bahasa *al-Khabar* juga menggunakan gaya bahasa *al-Shart wa al-Jawab*.

Kata Kunci; *al-Khabar*, Dialog al-Qur'an, *Jumlah Fi'liyyah*, *Jumlah Ismiyyah*.

## PENDAHULUAN

Dialog adalah berfikir secara bersama<sup>5</sup> menerusi bertukar-tukar pandangan.<sup>6</sup> Proses bertukar-tukar pandangan yang berlangsung menerusi dialog menunjukkan perlunya ada beberapa pihak supaya proses berdialog itu sempurna. 'Abbas Mahjub menyatakan dialog merupakan proses bersemuka dan bertukar fikiran di antara individu dengan dirinya ataupun antara individu dengan pihak yang lain. Ia merupakan sifat kemanusiaan yang berlandaskan perkataan yang diucapkan bagi tujuan pihak lain memberi respon dan mendengar kepadanya walaupun perkataan tersebut tidak sesuai.<sup>7</sup>

Dialog dua hala pula dialog yang berlaku secara soal-jawab atau berlaku respon antara dua pihak yang diwakili oleh dua pekata dialog atau lebih. Sebagai contoh kepada dialog dua hala adalah firman Allah yang bermaksud:

Setelah membaca surat itu), berkatalah raja perempuan negeri Saba': "Wahai ketua-ketua kamu!, sesungguhnya telah disampaikan kepadaku sepucuk surat yang mulia. "Sesungguhnya surat itu dari Nabi Sulaiman, dan kandungannya (seperti berikut): `Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Bahawa janganlah kamu meninggikan diri terhadapku, dan datanglah kamu kepadaku dengan menyerah diri (beriman dan mematuhi ajaran agama Allah)". Raja perempuan itu berkata lagi: "Wahai ketua-ketua kaum, berilah penjelasan kepadaku mengenai perkara yang aku hadapi ini; Aku tidak pernah memutuskan sesuatu perkara sebelum kamu hadir memberi pendapat dan mempersetujuinya". Mereka menjawab: "Kita adalah orang-orang yang kuat gagah dan amat berani merempuh peperangan; Dan perkara itu (walau bagaimanapun) terserahlah kepada-mu; Oleh itu fikirkanlah apa yang engkau hendak perintahkan". Raja perempuan itu berkata: "Sesungguhnya raja-raja, apabila masuk ke sebuah negeri, mereka merosakkannya, dan mereka menjadikan penduduknya yang mulia hina-dina; Dan sedemikian itulah mereka akan lakukan. Dan bahawa aku hendak menghantarkan hadiah kepada mereka, kemudian aku akan menunggu, apa balasan yang akan dibawa balik oleh utusan-utusan kita."

Surah al-Naml (27) : 29-35

Ayat di atas mengandungi dialog yang berlangsung secara dua hala. Ia berlaku dalam bentuk perbincangan menerusi permintaan ratu Balqis kepada para pegawainya untuk memberi pandangan terhadap kandungan surat yang dihantar oleh Nabi Sulaiman a.s. Permintaan tersebut kemudiannya disusuli dengan respons yang diberikan oleh pegawai-pegawai berkenaan. Keberadaan permintaan dan respons terhadap permintaan tersebut menjadikan ayat-ayat di atas mengandungi dialog dua hala.<sup>8</sup>

<sup>5</sup> Martin, Daniel (2005), "The Role of Dialogue in the Naccho Mapp Tool." *Public Health Management Practice* 11.5, h. 415-17.

<sup>6</sup> 'Ali, Sayyid Isma'il (2008), *al-Hiwar Manhaj wa Thaqa'afah*. Kaherah: Dar al-Salam, h. 9.

<sup>7</sup> 'Abbas Mahjub (2006), *al-Hikmah wa al-Hiwar*, Irbid: 'Alam al-Kutub al-Hadith, h.135.

<sup>8</sup> al-Nihlawi dalam bukunya *al-Tarbiyyah bi al-Hiwar* meletakkan istilah *al-Hiwar al-Wasfi* bagi dialog dua hala. Namun begitu, pengkaji tidak cenderung untuk menggunakan istilah tersebut bagi menggambarkan dialog dua hala yang menjadi fokus dalam kajian ini. Ini kerana *wasfi* yang dimaksudkan oleh al-Nihlawi

Laras bahasa *al-Khabar* merupakan suatu ucapan yang digunakan oleh pekata dialog dalam berinteraksi dengan pekata yang lain menerusi ayat-ayat dialog al-Qur'an. Ia mempunyai kebarangkalian dari aspek kesahan atau kepalsuannya berdasarkan kepada pekata ucapan tersebut.<sup>9</sup> Ini bermaksud setiap kenyataan yang dikeluarkan mengandungi kebarangkalian sama ada benar atau tidak kecuali setelah penutur kenyataan tersebut telah dikenal pasti. Jika penutur tersebut merupakan Allah s.w.t, para malaikat yang membawa utusannya dan para rasul yang diutus, maka kenyataan tersebut secara pastinya merupakan kenyataan yang sangat benar. Berbanding dengan kenyataan manusia dan makhluk-makhluk yang lain, kenyataan mereka masih lagi mengandungi kebarangkalian benar atau palsu.

Dalam dialog-dialog al-Qur'an, *al-Khabar* yang mengandungi kesahan boleh dilihat menerusi dialog-dialog Allah s.w.t, malaikat dan para Rasul yang diutuskan kepada kaum-kaum mereka. Sebagai contoh dialog malaikat ketika menemui Nabi Ibrahim a.s firman Allah maksudnya Mereka (malaikat) menjawab: "Kami mengetahui akan orang-orang yang tinggal di situ. Sesungguhnya kami akan menyelamatkan dia dan keluarganya (serta pengikut-pengikutnya) - kecuali isterinya, ia adalah dari orang-orang yang dibinasakan".

Surah al-'Ankabut (29) : 32

Manakala dialog yang berbentuk palsu pula boleh dilihat menerusi dialog saudara-saudara Nabi Yusuf a.s. Firman Allah maksudnya;

Mereka berkata: "Wahai ayah kami! sesungguhnya kami telah pergi berlumba-lumba berburu dan kami telah tinggalkan Yusuf menjaga barang-barang kami, lalu ia dimakan oleh serigala; Dan sudah tentu ayah tidak akan percaya kepada kata-kata kami ini, sekalipun kami orang-orang yang benar".

Surah Yusuf (12) : 17

Dalam kajian ini, perbincangan akan menekankan penggunaan laras bahasa *al-Khabar* oleh pekata-pekata dialog menerusi dialog dua hala sahaja. Ini dilihat menerusi kata-kata yang dituturkan dalam bentuk perbualan, perbincangan atau perundingan antara dua pihak yang bertelingkah kepentingan dan proses bersemuka dan bertukar-tukar fikiran serta pandangan.

## TINJAUAN LITERATUR

Al-Kalam bermaksud suatu frasa yang mempunyai maksud yang lengkap. Perkataan ini mempunyai dimensi makna yang berbeza berdasarkan disiplin ilmu. Jika ditinjau dalam konteks ilmu Nahu, al-Kalam dibahagikan kepada tiga iaitu kata nama (*al-Isim*), kata kerja (*al-Fi'l*) dan huruf (*harf*). Namun begitu dalam konteks ilmu balaghah, al-Kalam dibahagikan kepada dua iaitu *al-Khabar* dan *al-Insya'*.<sup>10</sup> Oleh itu skop perbincangan dalam kajian ini merupakan salah satu aspek utama dalam pembahagian bentuk ayat dalam ilmu balaghah.

*Al-Khabar* adalah perkataan yang mempunyai maksud benar atau palsu. Kebenaran atau kepalsuan sesuatu perkataan hanya dapat diukur setelah perkataan yang mempunyai makna yang sempurna diucapkan. Jika maksud masih tergantung atau tidak lengkap, maka ia masih

---

merujuk kepada pekata dialog yang menyifatkan kegembiraan atau kekesalan yang dirasai oleh mereka menerusi dialog. Sedangkan dialog dua hala dalam al-Qur'an melewati gambaran tersebut. Lihat al-Nihlawi (2007), *al-Tarbiyyah bi al-Hiwar*, Damshiq: Dar al-Fikr, h. 26.

<sup>9</sup> 'Abbas, Fadl Hassan (1997), *al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha*, Irbid: Dar al-Furqan. h. 101.

<sup>10</sup> Hashimi, Sayyid Ahmad al- (1994), *Jawahir al-Balaghah*, Beirut: Dar al-Fikr. h.45.

tidak dapat dinilai sama ada ia dinilai sebagai al-Insya' atau al-Khabar. Setelah bentuk tersebut dikenalpasti, barulah keesahan makna dapat dinilai. Jika ia benar maka kalam tersebut diklasifikasikan sebagai khabar yang benar (khabar *sadiq*). Jika ia sebaliknya, maka ia akan diklasifikasikan sebagai khabar yang palsu (khabar *kazib*).<sup>11</sup>

Laras bahasa al-Khabar boleh berlaku dalam dua bentuk iaitu *jumlah ismiyyah* dan *jumlah fi'liyyah*. Pengucapan laras bahasa ini digunakan untuk tujuan sama ada berkaitan dengan konteks kandungan makna (*fa'idah al-Khabar*) ataupun dalam konteks status kandungan makna tersebut (*lazim al-Khabar*). Berdasarkan kepada dua konteks ini, maksud yang terbina dari pengucapan tersebut boleh diklasifikasikan sebagai pengucapan berbentuk belas kasihan (*istirham*), menampakkan kelemahan (*izhar al-Dha'f*), kekecewaan (*izhar al-Tahassur*) dan kesombongan (*al-Fakhr*) serta pujian (*al-Madh*).<sup>12</sup>

Tujuan *al-Khabar* disampaikan sebagaimana yang dibincangkan di atas mempunyai kaitan rapat dengan cara al-Khabar itu disampaikan sebagai medium dalam memberi pengetahuan dan perkhabaran serta penjelasan. Strategi al-Khabar disampaikan bersandarkan kepada keperluan dan reaksi pendengar. Dalam hal ini al-Hashimi telah mengemukakan tiga tahap perkhabaran berdasarkan keperluan pendengar. Tahap pertama tahap permulaan (*ibtida'*) iaitu apabila pendengar benar-benar tidak mempunyai pengalaman sedia ada yang berkaitan. Tahap kedua pula keperluan kepada penguat (*talibi*). Ini merupakan tahap di mana pendengar merasa syak terhadap perkhabaran yang disampaikan. Tahap ketiga pula tahap penegasan terhadap keingkaran (*inkari*) iaitu tahap di mana pendengar menolak sepenuhnya perkhabaran yang disampaikan.<sup>13</sup>

Laras bahasa al-Khabar dalam semua tahap di atas boleh berlaku dalam dua bentuk ayat iaitu *al-Jumlah al-Ismiyyah* dan *al-Jumlah al-Fi'liyyah*.<sup>14</sup> *al-Jumlah al-Ismiyyah* ialah ayat yang bermula dengan kata nama secara hakiki.<sup>15</sup> Ayat ini terbina daripada subjek dan predikat.<sup>16</sup> Manakala *al-Jumlah al-Fi'liyyah* pula ayat yang bermula dengan kata kerja secara hakiki.<sup>17</sup> Ayat ini terdiri daripada kata kerja, pelaku dan pelaku ganti.<sup>18</sup>

Dari sudut pandang ulama nahu, kedua-dua ayat tersebut terbina dari dua bahagian iaitu subjek dan predikat, manakala ulama balaghah menamakan bahagian pertama sebagai penyandar (*al-Musnad ilayh*) manakala bahagian kedua pula pesandar (*al-Musnad*). Penyandar ialah subjek yang mempunyai predikat atau pelaku atau pelaku ganti. Pesandar pula ialah subjek yang

---

<sup>11</sup> Ibid, h.45.

<sup>12</sup> Abu Talib, Ali (1990), *Nahj al-Balaghah*, Beirut; Mu'assasah al-Ma'arif. h. 104.

<sup>13</sup> al-Hashimi (1994), *op.cit*, h. 48-49.

<sup>14</sup> Ulama-ulama nahu berselisih pandangan tentang jenis-jenis ayat dalam bahasa Arab. Secara umumnya ia terbahagi kepada dua iaitu *al-Jumlah al-Ismiyyah* dan *al-Jumlah al-Fi'liyyah*. Namun terdapat sebahagian membahagikannya kepada tiga dengan penambahan *al-Jumlah al-Zarfiyyah* (yang dimulakan dengan *zarf* atau *jar wa majrur*), manakala sebahagian lain membahagikan kepada empat dengan penambahan *al-Jumlah al-Shartiyyah*. Lihat Ibn. Hisyam, Jamal al-Din bin Yusuf (1992), *Mughni al-Labib 'an Kutub al-A'arib*, Muhammad Muhy al-Din Abd al-Hamid (ed), Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, j.2 h.376, Diqr, 'Abd. al-Ghani (1993), *Mu'jam al-Qawa'id al-'Arabiyyah*, Damshiq: Dar al-Qalam, h.213-214 dan Abbas (1997), *op.cit*, h. 88.

<sup>15</sup> Maghalasah, Mahmud Husni (1991), *al-Nahw al-Shafi*, Amman; Dar al-Bashir, h.20 ; Ibn. Hisham Jamal al-Din bin Yusuf (1992), *Mughni al-Labib 'an Kutub al-A'arib*, Muhammad Muhy al-Din Abd al-Hamid (ed), Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah. h. 376.

<sup>16</sup> 'Abbas (1997), *op.cit*, h. 88.

<sup>17</sup> Maghalasah (1991), *op.cit*, h. 19.

<sup>18</sup> 'Abbas (1997), *op.cit*, h. 88.

mempunyai pelaku atau pelaku ganti yang menggantikan kedudukan predikat, atau predikat dalam *jumlah ismiyyah* atau kata kerja dalam *jumlah fi'liyyah*.<sup>19</sup>

Binaan asas bagi ayat yang penyandarnya kata kerja, kata kerja tersebut berada terlebih dahulu sebelum penyandar, atau pelaku tidak mendahului kata kerja. Sekiranya ia juga berlaku, maka pertukaran kedudukan ini disebabkan tujuan yang tertentu sesuai dengan situasi ayat tersebut diungkapkan. Manakala binaan asas bagi ayat yang pesandarnya kata nama, penyandar mestilah berada terlebih dahulu dari pesandar, atau pun dengan kata lain subjek mestilah mendahului predikat. Jika sebaliknya berlaku, maka pertukaran ini disebabkan tujuan tertentu sesuai dengan situasi ayat tersebut diungkapkan atau disebabkan tabiat ayat itu sendiri.<sup>20</sup>

Ulama balaghah membahagikan bentuk ayat sebagaimana di atas tidak hanya menitik beratkan binaannya daripada aspek luaran (*lafziyyah*), yang dengan itu hanya berakhir dengan pengelasan ayat kepada *al-Jumlah al-Ismiyyah* dan *al-Jumlah al-Fi'liyyah*. Mereka mengutarakan maksud yang tersirat daripada aspek *al-Bayan* dan keindahan dalam penyampaian menerusi penggunaan tersebut.

Oleh itu mereka membezakan antara kedua-dua bentuk ayat tersebut dengan prinsip bahawa, jika ayat yang digunakan berbentuk *jumlah ismiyyah*, maka maksud yang dikehendaki menerusi penggunaan tersebut kekal (*al-Thubut*). Sebaliknya jika ayat yang digunakan berbentuk *jumlah fi'liyyah* maka maksud yang terbina mempunyai makna pembaharuan dan perubahan.<sup>21</sup>

al-Jurjani menyatakan penggunaan kata nama bertujuan untuk mengekalkan maksud bagi sesuatu tanpa perlu kepada berlakunya apa-apa pembaharuan. Manakala kata kerja pula bertujuan untuk memberikan maksud berlakunya perubahan demi perubahan terhadap suatu maksud yang kekal.<sup>22</sup> Oleh itu penggunaan bentuk ayat sama ada dalam bentuk *jumlah ismiyyah* atau *fi'liyyah* bukanlah suatu penggunaan yang bersahaja. Hakikatnya ia mempunyai perkaitan rapat dengan maksud yang ingin diungkapkan.

## PERMASALAHAN KAJIAN

al-Qur'an sebagai wahyu yang diturunkan oleh Allah bukanlah satu bentuk propaganda atau doktrin untuk menghasut dan memaksa manusia dengan idea-idea yang menyimpang daripada fitrah kejadian, tatasusila kemanusiaan dan kemuliaan insan. Bahkan ia bukan teori, bukan hasil renungan-renungan para bijaksana dan *failasuf*, bukan hasil renungan insan, bukan hasil ciptaan insan sebagaimana kebudayaan itu hasil usaha dan daya ciptanya dalam menghadapi sekeliling.<sup>23</sup>

Tema utama al-Qur'an secara keseluruhannya membentuk keyakinan dan pengabdian seorang hamba kepada Tuhannya. Ayat-ayat berbentuk dialog yang terdapat dalam al-Quran adalah

<sup>19</sup> Ya'qub, Amil Badi' (1994), *Mawsu'ah al-Nahw wa al-Sarf wa al-I'rab*, Beirut; Dar al-'Ilm li al-Malayin, h. 82-83; 'Abbas (1997), *op.cit*, h. 88.

<sup>20</sup> Samarra'i, Fadil Salih (2000), *Ma'ani al-Nahw*, Amman: Dar al-Fikr, j. 1, h. 15.

<sup>21</sup> al-Samarra'i, Fadil Salih (2008), *Ma'ani al-Abniyah fi al-'Arabiyyah*, Amman; Dar al-'Ammar, h. 9; 'Abbas (1997), *op.cit*, h. 91-92.

<sup>22</sup> al-Jurjani, Abd Qahir (1994) *Dala'il al-I'jaz fi 'Ilm al-Ma'ani*, Beirut: Dar al-Ma'rifah. h. 123.

<sup>23</sup> Atas, Syed Muhammad Naquib al- (2001), *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), h.78.

sebahagian daripada bacaan-bacaan yang berperanan untuk mewujudkan keyakinan tersebut. Kewujudan ayat-ayat seperti ini menjadikan al-Qur'an tidak sahaja bergantung kepada ayat-ayat berbentuk naratif, bahkan mencakupi segenap bentuk gaya bahasa yang diketahui oleh ilmu bahasa dan kesusasteraan manusia.

Mustansir menyatakan konteks dialog al-Quran tidak mempunyai perbezaan dengan konteks al-Quran secara keseluruhannya. Tema dan subjek utama asas dakwah para nabi yang meliputi pegangan berbentuk monoteisme dan ganjaran kepada amalan baik, sikap dan hujah para nabi kepada pengikutnya, sikap mereka yang beriman dan kufur, teladan akhlak yang baik dan seterusnya kuasa pengadilan dan kebijaksanaan Tuhan.<sup>24</sup>

Perbincangan di atas menunjukkan satu keperluan untuk satu kajian berkaitan binaan ayat-ayat dialog al-Qur'an dijalankan. Fizikal ayat-ayat dialog yang dilengkapi dengan laras bahasa al-Khabar sebagai respon kepada persoalan yang dikemukakan oleh pekata dialog wajar direnung. Ini penting agar satu dimensi bahasa al-Qur'an dapat dirungkaikan. Bahkan Allah s.w.t menyuruh agar ulangan kajian dijalankan bagi setiap ciptaanNya<sup>25</sup> menggambarkan ciptaan Allah yang terkandung segala macam rahsia untuk diteroka. Suruhan ini menjadikan kajian berkaitan dengan kalamNya lebih wajar untuk diteroka.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah;

- i. Meneroka metode penyampaian *al-khabar* oleh pekata dialog al-qur'an.
- ii. Menganalisis fungsian ayat *al-khabar* dalam dialog al-qur'an

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif.<sup>26</sup> Ia berbentuk deskriptif iaitu memberikan gambaran tentang keadaan yang sedia ada.<sup>27</sup> Menerusi kajian ini, analisis laras bahasa al-khabar dalam dialog dua hala dalam al-Qur'an dijalankan berdasarkan teori al-Hashimi menerusi penulisannya *Jawahir al-Balaghah*. al-Hashimi telah mengemukakan tiga tahap perkhayaban berdasarkan keperluan pendengar iaitu permulaan (*ibtida*), keperluan kepada penguat (*talibi*) dan penegasan terhadap keingkaran (*inkari*).<sup>28</sup>

Bagi mengenalpasti kefungsi laras bahasa al-Khabar pula, analisis yang dilakukan berdasarkan kaedah *al-Tafsir al-Tahlili* yang dilihat menerusi dua aspek iaitu *al-Tahlil al-Lughawi* dan *al-Tahlil al-Balaghi* yang dikemukakan oleh al-Mitwalli menerusi penulisannya *al-Tafsir al-Tahlili li al-Qur'an al-Karim*<sup>29</sup>. Menerusi *al-Tahlil al-Lughawi*, dua bentuk analisis diberikan penekanan iaitu penggunaan *jumlah ismiyyah* dan *jumlah fi'liyyah* dengan berasaskan teori yang dikemukakan oleh al-Samarra'i menerusi penulisannya *Ma'ani al-Abniyah fi al-*

<sup>24</sup> Mustansir, M. (1992), Dialogue in the Qur'an, *Jurnal Religion & Literature*, 24(1), 1-22.

<sup>25</sup> Surah al-Mulk (67) : 3-4

<sup>26</sup> Gubrium, Jaber F and James A. Holstein (1992), "Qualitative Methods", dalam *Encyclopedia of Sociology*, Vol. 3. New York: Macmillan Publishing, h.1577.

<sup>27</sup> Syed Arabi Aidid (2002), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h.38

<sup>28</sup> al-Hashimi (1994), *op.cit*, h. 48-49.

<sup>29</sup> Mitwalli, Sabri al- (2003), *al-Tafsir al-Tahlili li al-Qur'an al-Karim*, Kaherah: Maktabah Zahra' al-Sharq, h. 14.

'*Arabiyyah*<sup>30</sup> dan al-Jurjani menerusi penulisan *Dala'il al-I'jaz fi 'Ilm al-Ma'ani*<sup>31</sup> berkaitan kekekalan (*al-Thubut*) dan pembaharuan serta perubahan makna menerusi penggunaan bentuk ayat dan perkataan.

Data kajian adalah berdasarkan 179 dialog dua hala yang telah dikumpulkan. Data yang diperoleh dianalisis secara berperingkat.<sup>32</sup> Pertama memastikan data yang dikeluarkan menepati bentuk dialog yang dikehendaki iaitu dialog yang berbentuk dua hala. Kedua memastikan kaedah memotong ayat-ayat yang berkaitan dilakukan dengan betul agar menepati tiga ciri utama iaitu ayat pembukaan atau permulaan dialog dan ayat penutup atau dialog terakhir yang terdapat dalam surah-surah berkaitan. Ini penting supaya dialog tersebut dapat difahami dengan cara yang menyeluruh. Ketiga mengasingkan ayat dialog tersebut dengan menjadikan ayat-ayat dialog yang mempunyai laras bahasa al-Khabar sahaja. Ini dilakukan agar hanya ayat yang terbina dengan ayat-ayat al-Khabar sahaja akan dianalisis.

Data yang telah lengkap kemudiannya dimasukkan ke dalam perisian QSR Nvivo 8. Ia kemudiannya dianalisis berdasarkan kategori yang telah ditetapkan berdasarkan teori kajian yang telah dikemukakan. Data yang telah disaring kemudiannya dianalisis dengan melakukan kajian perpustakaan. Analisis kandungan dilakukan dengan berpandukan rujukan kepada bahan-bahan cetak yang berautoriti.

## DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah perbincangan dapatan kajian berdasarkan analisis yang telah dijalankan.

### a. Metode Penyampaian *Al-Khabar* Oleh Pekata Dialog *Al-Qur'an*

Tujuan *al-Khabar* dalam ayat dialog adalah untuk memberikan pengetahuan dan perkhabaran serta memberikan penjelasan berkaitan dengannya. Cara perkhabaran itu diberikan berdasarkan keperluan pendengar. Analisis berdasarkan teori tiga tahap perkhabaran al-Hashimi (*ibtida' - talibi - inkari*) menunjukkan tidak semua dialog dua hala dalam al-Qur'an bermula dengan tahap pertama dan berakhir dengan tahap ketiga. Terdapat dialog yang hanya menggunakan satu tahap sahaja, dua tahap sahaja iaitu tahap pertama dan kedua atau tahap kedua dan ketiga dan terdapat juga dialog yang menggunakan ketiga-tiga tahap tersebut.

---

<sup>30</sup> Samarra'i, Fadil Salih (2008), *Ma'ani al-Abniyah fi al-'Arabiyyah*, Amman; Dar al-'Ammar, h. 9; 'Abbas (1997), *op.cit*, h. 91-92.

<sup>31</sup> al-Jurjani (1994), *op.cit*, h. 123.

<sup>32</sup> Peringkat-peringkat ini dibina berdasarkan langkah-langkah yang terdapat dalam buku Kaedah Penyelidikan Sains Sosial oleh Sabitha Marican dengan pengubahsuaian. Langkah-langkah yang dicadangkan adalah teori dan keadaan yang menyarankan pemilihan teks-teks yang tertentu, melaksanakan pemilihan sampel sekiranya terlalu banyak untuk dianalisis, membangunkan satu kod dan nyatakan secara jelas untuk kod tersebut. Ia harus menepati teori dan bahan-bahan sedia ada, lakukan pra kajian dan penyesuaian yang perlu dan nyatakan secara eksplisit peraturan-peraturan untuk membuat kod, laksanakan ujian kebolehpercayaan ke atas kod-kod yang dibangunkan, kod semua bahan dalam sampel dan laksanakan kajian kebolehpercayaan untuk keseluruhan proses, wujudkan satu fail data untuk tujuan analisis statistik dan wujudkan buku kod yang merangkumi rasional untuk mengekod, kekerapan semua kod dan kebolehpercayaan proses mengekod. Lihat Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd, h.173.

### **i. Penggunaan Tahap *Ibtida'***

Sebagai contoh<sup>33</sup> terhadap penggunaan satu tahap sahaja ialah penggunaan tahap permulaan (*ibtida'*). Ini berlaku menerusi dialog yang berbentuk perintah kepada Rasulullah s.a.w untuk memberikan jawapan berkaitan bagaimana kematian berlaku dan hala tuju manusia selepas berhadapan dengannya. Jawapan ini tidak disusuli dengan sebarang unsur bahasa yang bertindak sebagai penguat kepada maksud yang disampaikan. Firman Allah maksudnya:

*Katakanlah (wahai Muhammad); "Nyawa kamu akan diambil oleh malaikat maut yang ditugaskan berbuat demikian ketika habis ajal kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu (untuk menerima balasan)".*

Surah al-Sajdah (32) : 11

### **ii. Penggunaan Tahap *Talibi* dan *Inkari***

Penggunaan dua tahap pula boleh dilihat menerusi dialog<sup>34</sup> di antara rasul-rasul yang diutus dengan penduduk sebuah bandar.<sup>35</sup> Menerusi dialog ini tahap penguat (*talibi*) dan tahap penegasan terhadap keingkaran (*inkari*) digunakan. Firman Allah maksudnya:

Dan ceritakanlah kepada mereka satu keadaan yang ajaib mengenai kisah penduduk sebuah bandar (yang tertentu) iaitu ketika mereka didatangi rasul-rasul (Kami). Ketika Kami mengutus kepada mereka dua orang rasul lalu mereka mendustakannya; kemudian Kami kuatkan (kedua rasul itu) dengan rasul yang ketiga, lalu rasul-rasul itu berkata: "Sesungguhnya kami ini adalah diutus kepada kamu". Penduduk bandar itu menjawab: "Kamu ini tidak lain hanyalah manusia seperti kami juga, dan Tuhan yang maha pemurah tidak menurunkan sesuatu pun (tentang agama yang kamu dakwakan); Kamu ini tidak lain hanyalah

<sup>33</sup> Penggunaan satu tahap juga didapati dalam surah al-Baqarah (2) : 30, 67-73, 124,133, 142, 170, 189, 215, 217, 219-220, 222, 247-248, 249, 258, 259, surah al-Ma'idah (5) : 4-5, 104, 114, surah al-An'am (6) : 128-131, surah al-A'raf (7) : 44-45, 50-51, 80-84, 142-145, 154-157, 172-174, 187-188, surah al-Anfal (7) : 1, surah Yunus (10) : 83-86, 87-89, surah Hud (11) :41-43, 44-49, 69-76, surah Yusuf (12) : 3-6, 7-10, 15-18, 23-29, 36-42, 43-45, 46-49, 50-57, 58-62, surah Ibrahim (14) :44-46, surah al-Hijr (15) : 51-60, surah al-Isra' (17) : 85, 101-103, surah al-Kahf (18) : 19-20, 21, 22-26, 83-98, surah Maryam (19) : 16-21, 22-26, 27-34, surah Taha (20) : 9-37, 83-85, 105-112, 124-127, surah al-Anbiya' (21) : 58-61, surah al-Mu'minun (23) : 36-41, 80-91, surah al-Furqan (25) : 17-19, 58-60, surah al-Shu'ara' (26): 61-63, surah al-Naml (27) :29-35, 36-41, 42-44, 54-58, surah al-Qasas (28) : 23-28, 29-35, 36-42, 48-50, surah al-Ankabut (29) : 29-30, 31-32, 49-52, surah Luqman (31) : 20-21, 22-26, surah al-Sajdah (32) : 28-30, surah al-Ahzab (33) : 63, surah Saba' (34) : 23, 40-41, surah Yasin (36) : 51-53, surah al-Zumar (39) : 71-72, 73-74, surah Fussilat (41) : 19-24, 47-48, surah al-Zukhruf (43) : 74-80, surah al-Ahqaf (46) : 21-25, surah al-Hujurat (49) : 14, surah Qaf (50) : 30, surah al-Hadid (57) : 13-15, surah al-Tahrim (66) : 3-5, surah al-Mulk (67) : 6-11 dan surah al-Qalam (68) : 17-33.

<sup>34</sup> Penggunaan dua tahap juga didapati dalam surah al-Baqarah (2) : 258, 260, surah Ali 'Imran (3) : 37, 36-41, 42-47, surah al-Ma'idah (5) : 27-31, 109, al-A'raf (7) : 11-18, 138-141, surah Hud (11) : 77-83, surah Yusuf (12) : 11-14, 30-35, 80-87, 88-93, surah Ibrahim (14) : 21-22, surah al-Isra' (17) : 61-65, surah Maryam (19) : 41-48, surah al-Mu'minun (23) : 112-116, surah al-Shu'ara' (26): 10-17, surah al-Naml (27) : 20-28, 45-53, surah al-Qasas (28) : 76-78, surah Saba' (34) : 28-33, 34-37, surah Yasin (36) : 77-83, surah Ghafir (40) : 47-52, surah Qaf (50) : 20-29 dan surah al-Dhariyyat (51) : 24-37.

<sup>35</sup> Menurut Ibn. Ishaq, bandar yang dimaksudkan adalah Antakiyyah. Ketika itu Bandar ini diperintah oleh Antaykhas bin Antaykhas bin Antaykhas yang tegar menyembah berhala. Rasul-rasul yang diutuskan adalah Sadiq, Saduq dan Shalum. Lihat Ibn. Kathir, Isma'il bin 'Umar (1999), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Sami bin Muhammad Salamah (ed), Riyadh: Dar Taybah li al-Nashr wa al-Tawzi'. j. 6, h. 568.



berdusta". Rasul-rasul berkata: "Tuhan kami mengetahui bahawa sesungguhnya kami adalah rasul-rasul yang diutus kepada kamu. Dan tugas kami hanyalah menyampaikan perintah-perintahNya dengan cara yang jelas nyata".

Surah Yasin (36) : 13-17

Dialog di atas menunjukkan bagaimana penggunaan laras penguat (*al-Ta'kid*) digunakan dalam setiap dialog yang diutarakan oleh pekata iaitu rasul-rasul yang diutus. Penggunaan pertama adalah laras penguat kepada *jumlah ismiyyah* dengan partikel (إن إليكم) (مرسلون). Namun begitu kata-kata ini tidak mampu meyakinkan pendengar iaitu penduduk bandar.

Dialog para rasul berikutnya pula disusuli dengan dialog (وما علينا إلا البلغ) (المبين). Menerusi dialog ini, tiga bentuk laras penguat digunakan. Penggunaan *al-Qasam* secara andaian yang difahami menerusi (ربنا يعلم). Penggunaan kedua pula partikel *lam al-Muzahlaqah* iaitu partikel *lam al-Ibtida'* (إننا إليكم لمرسلون).<sup>36</sup> Manakala penggunaan ketiga pula adalah penggunaan gaya bahasa *al-Hasr* iaitu pada ayat (وما علينا إلا البلغ المبين).

### iii. Penggunaan Tahap *Ibtida'*, *Talibi* dan *Inkari*

Penggunaan tiga tahap<sup>37</sup> pula boleh dilihat menerusi jawapan yang diberikan oleh golongan Hawariun ketika memberi respons terhadap dialog Nabi Isa a.s yang menyatakan wujudnya kekufuran di kalangan mereka. Firman Allah maksudnya;

Maka ketika Nabi Isa merasa (serta mengetahui dengan yakin) akan kekufuran daripada mereka (kaum Yahudi), berkatalah ia: "Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agamanya)?" Orang-orang Hawariun (penyokong-penyokong Nabi Isa) berkata: "Kamilah penolong-penolong (utusan) Allah. Kami telah beriman kepada Allah, dan saksikanlah (wahai nabi Allah) sesungguhnya kami ialah orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah). Wahai Tuhan kami! kami telah beriman kepada apa yang telah Engkau turunkan, dan kami mengikut Rasul-Mu; Oleh itu suratkanlah kami beserta orang-orang yang menjadi saksi (yang mengakui keesaan-Mu dan kebenaran Rasul-Mu)".

Surah Ali 'Imran (3) : 52-53

Menerusi ayat di atas, tiga tahap perkhawaran digunakan. Tahap pertama menerusi ayat (نحن) (أنصار الله ءامنا بالله), tahap kedua menerusi ayat (واشهد بأننا مسلمون) dengan kekuatan ayat berlaku menerusi penggunaan kata kerja suruhan dan partikel أن, manakala tahap ketiga menerusi ayat (ربنا ءامنا بما أنزلت واتبعنا الرسول فاكتبنا مع الشاهدين) dengan kekuatan ayat berlaku menerusi penggunaan kata-kata yang berbentuk penyerahan yang bulat kepada Allah serta memohon penyaksianNya.

<sup>36</sup> Maydani, 'Abd. al-Rahman Hasan Habannakah al- (1996), *al-Balaghah al-'Arabiyyah Ususuha wa 'Ulumuha wa Fununuha*, Damshiq: Dar al-Qalam, j. 2, h. 112-113.

<sup>37</sup> Penggunaan tiga tahap juga didapati menerusi dialog-dialog dalam surah al-Ma'idah (5) : 20-26, 116-119, surah al-A'raf (7) : 59-64, 65-72, 73-79, 85-93, 104-129, surah Hud (11) : 25-35, 50-60, 61-68, 84-95, surah Yusuf (12) : 63-68, 69-79, 94-98, surah Ibrahim (14) : 9-14, 32-44, surah al-Hijr (15) : 61-77, surah al-Isra' : 49-52, surah al-Kahf (18) : 32-43, 60-82, surah Maryam (19) : 3-10, surah Taha : 20) : 49-59, 86-98, surah al-Anbiya' (21) : 51-57, 62-73, surah al-Shu'ara' (26) : 18-37, 38-51, 69-89, 105-122, 123-140, 141-159, 160-175, 176-191, surah Yasin (36) : 13-19, surah Sad (38) : 71-85, surah Ghafir (40) : 23-46 dan surah Fussilat (41) : 1-18.

### b. Fungsian Ayat *Al-Khabar* Dalam Dialog *Al-Qur'an*

Menerusi dialog dua hala *al-Qur'an*, dapatan analisis menunjukkan bahawa ayat-ayat yang melibatkan firman Allah berkaitan pengakuan ketuhanan menggunakan ayat-ayat yang berbentuk *jumlah ismiyyah*. Penggunaan ini menjadikan maksud yang diucapkan menerusi dialog tersebut mengandungi maksud kekekalan (*al-Thubut*) iaitu kepastian dan kesahan yang tinggi di samping mengandungi maksud kekekalan sebagaimana yang dibincangkan di atas. Sebagai contoh<sup>38</sup> firman Allah dalam dialogNya dengan Nabi Musa a.s maksudnya;

"Sesungguhnya Aku Tuhan-mu! maka bukalah kasut-mu, kerana Engkau sekarang berada di Wadi Tuwa yang suci. "Dan Aku telah memilih-mu menjadi Rasul maka dengarlah apa yang akan diwahyukan kepada-mu. "Sesungguhnya Akulah Allah; tiada Tuhan melainkan Aku; oleh itu, Sembahlah akan daku, dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati daku.

Surah Taha (20) : 12-14

Penggunaan yang sama juga digunakan oleh pekata-pekata yang lain dalam memberikan pengakuan ketuhanan Allah s.w.t. Berikut adalah satu contoh<sup>39</sup> dialog bagi menyokong kenyataan tersebut. Dialog berikut dialog di antara Nabi Musa a.s dengan Firaun. Firman Allah maksudnya:

Firaun berkata (dengan sombongnya): "Dan apa Dia Tuhan sekalian alam itu?". Nabi Musa menjawab. "Dialah yang memiliki dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, - kalaulah kamu mahu mendapat keyakinan dengan berdalil maka inilah jalannya". Firaun berkata kepada orang-orang yang ada di sekelilingnya: "Tidakkah kamu dengar (apa yang dikatakan olehnya)?". Nabi Musa menegaskan lagi: "Dia lah Tuhan yang memiliki dan memelihara kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang telah lalu."

Surah al-Shu'ara' (26) : 18-26

Penggunaan ayat yang bermaksud kekekalan dalam contoh-contoh di atas bebas daripada sebarang bentuk takwil yang memberikan maksud yang sama dengan ayat yang berbeza. Penggunaan *jumlah ismiyyah* yang masih terdedah kepada takwil boleh dilihat menerusi contoh-contoh<sup>40</sup> di bawah. Ayat dialog tersebut juga memberikan maksud kekekalan, akan tetapi ia masih terdedah kepada takwil kerana perkara yang dinyatakan belum lagi berlaku akan tetapi penggunaan *jumlah ismiyyah* bertujuan untuk memberikan maksud perkara tersebut pasti berlaku, seakan-akan telah berlaku dengan sempurna. Firman Allah s.w.t menerusi dialogNya kepada para malaikat maksudnya;

Dan (ingatlah) ketika Tuhan-mu berfirman kepada malaikat; "Sesungguhnya Aku Pencipta (hendak menjadikan) seorang khalifah di bumi".

Surah al-Baqarah (2) : 30

Ketika dialog ini difirmankan, Allah s.w.t belum lagi mencipta Adam a.s. Ayat di atas terdedah kepada takwil 'Aku akan mencipta' bersesuaian dengan situasi tersebut. Namun dibina dengan penggunaan frasa kata nama pelaku yang menunjukkan penciptaan tersebut berlaku dan pasti

<sup>38</sup> Contoh-contoh lain dalam surah al-Qasas (28) : 30 dan surah Sad (38) : 84.

<sup>39</sup> Contoh-contoh lain juga boleh dilihat dalam surah al-Baqarah (2) :32, surah al-Ma'idah (5) : 28, surah Taha (20) : 49-59 dan surah al-Kahf (18) : 22-26.

<sup>40</sup> Contoh lain lihat surah al-Ma'idah (5) : 115.

berlaku seperti telah selesai sempurna dan kekal tercipta.<sup>41</sup> Maksud yang sama juga berlaku kepada dialog Malaikat di bawah yang menggunakan frasa kata nama pelaku – *muhliku* - juga memberikan implikasi pasti berlaku seolah-olah kaum Lut a.s sudah dimusnahkan. Ia terdedah kepada takwil “kami akan musnahkan”. Firman Allah maksudnya;

Dan ketika datang (malaikat) utusan Kami kepada Nabi Ibrahim dengan membawa berita yang menggembirakan), mereka berkata: "Sebenarnya kami hendak membinasakan penduduk bandar ini), sesungguhnya penduduknya orang-orang yang zalim".

Surah al-‘Ankabut (29) : 31

Dalam konteks perbincangan sikap dan tingkah laku serta tindakan, ayat dialog al-Qur’an menggunakan konteks kekekalan dan kebaharuan menerusi penggunaan *jumlah ismiyyah* dan *jumlah fi’liyyah* dalam memberikan maksud dengan cara yang mendalam. Sebagai contoh dialog di antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang munafikin dalam ayat berikut. Firman Allah maksudnya;

Dan di antara manusia ada yang berkata: "Kami telah beriman kepada Allah dan hari akhirat"; Padahal mereka sebenarnya tidak beriman. Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya. Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; Dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran). Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: " Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan".

Surah al-Baqarah (2) : 8-11

Menerusi dialog di atas, orang-orang munafikin memberikan dua respons dengan menggunakan dua bentuk ayat. Respons pertama ‘kami telah beriman’ menggunakan *jumlah fi’liyyah* manakala respons kedua “sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan” menggunakan *jumlah ismiyyah*. Penggunaan *jumlah fi’liyyah* menunjukkan berlakunya kebaharuan dalam berbohong secara berterusan. Ini dikukuhkan lagi dengan penggunaan ayat “padahal mereka sebenarnya tidak beriman”. Ini kerana ayat pertama fokus kepada perlakuan -berbohong- manakala penggunaan kedua fokus kepada orang munafikin itu sendiri yang dinafikan sama sekali keimanan mereka.<sup>42</sup>

Penggunaan ayat “sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan” pula menunjukkan bagaimana orang-orang munafikin menggunakan segala upaya bagi mengaburi orang-orang mukmin. Gambaran usaha ini didatangkan dengan *jumlah ismiyyah* bagi menunjukkan betapa sifat mereka adalah benar-benar inginkan kebaikan. Namun pada hakikatnya mereka tidak begitu kerana ia dinafikan menerusi ayat selepasnya yang berbentuk ulasan terhadap dialog orang-orang munafik tersebut. Firman Allah maksudnya:

Ketahuiilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya.

<sup>41</sup> Samarra'i, Fadil Saleh (2006), *al-Ta'bir al-Qur'ani*, Amman; Dar 'Ammar, h.22.

<sup>42</sup> Zamakhshari, Mahmud bin 'Umar, al- (1995), *al-Kashshaf*, Muhammad Abd.al- Salam Shahin (ed), Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.1 h.63.

## Surah al-Baqarah (2) : 12

Penafian ini didatangkan juga dengan menggunakan kekuatan penggunaan bahasa iaitu penggunaan frasa *ala* yang terbina daripada partikel *hamzah* laras tanya dan partikel nafi, bagi memberikan maksud penegasan tentang perihal yang sebenar-benarnya. Penggunaan partikel laras tanya apabila digabungkan dengan partikel *nafi* memberikan maksud pengesahan (*tahqiq*). Ini menjadikan penolakan yang diberikan menerusi ayat tersebut lebih kuat berbanding dengan ayat yang digunakan oleh orang-orang munafikin.<sup>43</sup> Ia juga disertakan dengan penggunaan partikel 'إن' dan ganti nama 'هم' yang merujuk kepada maksud mereka memang perosak. Jawapan ini menjadikan penafian yang diberikan lebih tepat (*baligh*) dan sangat tepat.<sup>44</sup>

Kekekalan dalam dialog-dialog al-Qur'an juga didatangkan dalam bentuk ayat *al-Khabar* secara *al-Shart wa al-Jawab*. Ulama bahasa mentakrif *al-Shart* sebagai susulan berlakunya suatu perkara ke atas perkara yang lain menerusi partikel tertentu. Partikel-partikel tersebut merupakan perkataan-perkataan yang digunakan bagi menunjukkan berlakunya penyusunan kejadian. Oleh itu *al-Shart* bermaksud berlakunya sesuatu disebabkan berlakunya sesuatu yang lain darinya.<sup>45</sup>

*al-Shart* memerlukan dua ayat. Ayat pertama membawa maksud penyebab berlakunya kandungan pada ayat kedua. Partikel *al-Shart* diletakkan bagi mewujudkan ikatan makna antara kedua-dua ayat. Ini menjadikan ayat pertama berperanan sebagai penyebab manakala ayat kedua adalah lantaran kepada penyebab tersebut.<sup>46</sup> Oleh itu, ayat *al-Shart* yang lengkap merupakan satu gaya bahasa yang terbina daripada partikel *al-Shart*, ayat *al-Shart* dan ayat *jawab al-Shart*.

Sebagai contoh<sup>47</sup> penggunaan gaya bahasa *al-Shart* dan *jawab al-Shart* ialah dialog Nabi Muhammad s.a.w ketika menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh orang-orang mukmin berkaitan dengan perbelanjaan harta benda. Firman Allah maksudnya:

Katakanlah: "Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada kedua-dua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat daripada jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya)".

## Surah al-Baqarah (2) : 215

Menerusi ayat di atas, *al-Shart wa al-Jawab* berlaku pada (ما أنفقتم) sebagai ayat *al-Shart* manakala (فللوالدين) ayat *jawab al-Shart*. Begitu juga pada ayat (وما تفعلوا) sebagai ayat *al-Shart* manakala (فإن) sebagai ayat *jawab al-Shart*. Ikatan yang berlaku di antara kedua-dua ayat (*al-Shart* dan *jawab al-Shart*) ikatan berbentuk kelaziman (*talazum*) iaitu perbelanjaan dan mengambil manfaat daripada perbelanjaan. Selain itu sifat berbelanja ke jalan kebaikan dan

<sup>43</sup> *ibid*, j.1, h.70-71.

<sup>44</sup> Sabuni, Muhammad 'Ali al- (1997), *Safwah al-Tafasir*, Kaherah: Dar al-Sabuni h. 30.

<sup>45</sup> Mubarrid, Muhammad bin Yazid al- (t.t), *al-Muqtadib*, Muhammad 'Abd al-Khaliq 'Azimah (ed), Beirut: 'Alam al-Kutub, j. 2, h. 46.

<sup>46</sup> Bayyati, Sana' Hamid al- (2003), *Qawa'id al-Nahw al-'Arabi fi Du' Nazariyyat al-Nazm*, Jordan : Dar al-Wa'il, h. 353.

<sup>47</sup> Surah al-Baqarah (2) : 126, surah al-Ma'idah (5) : 22, 23, 115, al-A'raf (7) : 23 dan 27.

pengetahuan Allah atas perbelanjaan yang dilakukan merupakan sesuatu yang bersifat kelaziman.<sup>48</sup>

## KESIMPULAN

Dialog yang menggunakan laras bahasa al-Khabar mempunyai kebarangkalian kesahan dan kepalsuan. Ia bergantung kepada pekata dialog tersebut. Jika pekata merujuk kepada Allah, malaikat dan para rasul, maka laras bahasa al-Khabar yang digunakan merupakan kebenaran yang hakiki. Namun jika sekiranya pekata dialog tersebut dari kalangan makhluk atau manusia yang lain, maka laras bahasa al-Khabar yang digunakan masih terdedah kepada kesahan atau kepalsuan. Menerusi perbincangan yang dikemukakan di atas, laras bahasa ini digunakan dalam pelbagai bentuk dan tahap. Kepelbagaian ini merupakan salah satu keunikan bahasa al-Qur'an bagi memperihalkan demografi pekata berkaitan. Dalam waktu yang sama, setiap al-Khabar yang digunakan mempunyai fungsi-fungsi tertentu bagi menguatkan kandungan dan ketepatan dalam memperihalkan sesuatu situasi oleh al-Qur'an.

## RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

'Abbas Mahjub (2006), *al-Hikmah wa al-Hiwar*, Irbid: 'Alam al-Kutub al-Hadith.

'Abbas, Fadl Hassan (1997), *al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha*, Irbid: Dar al-Furqan.

'Ali, Sayyid Isma'il (2008), *al-Hiwar Manhaj wa Thaqafah*. Kaherah: Dar al-Salam.

Abu Talib, Ali (1990), *Nahj al-Balaghah*, Beirut; Mu'assasah al-Ma'arif

al-Jurjani, Abd Qahir (1994) *Dala'il al-I'jaz fi 'Ilm al-Ma'ani*, Beirut: Dar al-Ma'rifah

al-Nihlawi, (2007), *al-Tarbiyyah bi al-Hiwar*, Damshiq: Dar al-Fikr.

Atas, Syed Muhammad Naquib al- (2001), *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).

Bayyati, Sana' Hamid al- (2003), *Qawa'id al-Nahw al-'Arabi fi Du' Nazariyyat al-Nazm*, Jordan : Dar al-Wa'il.

Diqr, 'Abd. al-Ghani (1993), *Mu'jam al-Qawa'id al-'Arabiyyah*, Damshiq: Dar al-Qalam.

Gubrium, Jaber F and James A. Holstein (1992), "Qualitative Methods", dalam *Encyclopedia of Sociology*, Vol. 3. New York: Macmillan Publishing

Hashimi, Sayyid Ahmad al- (1994), *Jawahir al-Balaghah*, Beirut: Dar al-Fikr.

<sup>48</sup> Matlabi menjelaskan ikatan yang terbentuk di antara ayat *al-Shart* dan ayat *jawab al-Shart* berdasarkan tiga bentuk iaitu ikatan bersebab (*irtibat sababi*), ikatan kelaziman (*irtibat talazumi*) dan ikatan bertentangan (*irtibat taqabuli*). lihat Matlabi, Malik bin Yusuf (t.t), Iraq : Dar al-Rasyid dalam Zaruqi, Abu Bakr (2010), *Dalalat Irtibat Fi Uslub al-Shart Dirasah Fi Nusus Min Sahih al-Bukhari*, Majallah Kuliyyah al-Adab wa al-'Ulum al-Insaniyyah wa al-Ijtima'iyyah, Universiti Muhammad Khidr. [http://www.univ-biskra.dz/fac/fil1/images/pdf\\_revue/pdf\\_revue\\_06/aboubaker%20zerouki.pdf](http://www.univ-biskra.dz/fac/fil1/images/pdf_revue/pdf_revue_06/aboubaker%20zerouki.pdf), 31 Desember 2013.

- Ibn. Hisyam, Jamal al-Din bin Yusuf (1992), *Mughni al-Labib 'an Kutub al-A'arib*, Muhammad Muhy al-Din Abd al-Hamid (ed), Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Ibn. Kathir, Isma'il bin 'Umar (1999), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Sami bin Muhammad Salamah (ed), Riyadh: Dar Taybah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Maghalasah, Mahmud Husni (1991), *al-Nahw al-Shafi*, Amman; Dar al-Bashir.
- Martin, Daniel (2005), "The Role of Dialogue in the Naccho Mapp Tool." *Public Health Management Practice* 11.5.
- Matlabi, Malik bin Yusuf (t.t), Iraq : Dar al-Rasyid dalam Zaruqi, Abu Bakr (2010), Dalalat Irtibat Fi Uslub al-Shart Dirasah Fi Nusus Min Sahih al-Bukhari, Majallah Kuliyyah al-Adab wa al-'Ulum al-Insaniyyah wa al-Ijtima'iyah, Universiti Muhammad Khidr. [http://www.univ-biskra.dz/fac/fll1/images/pdf\\_revue/pdf\\_revue\\_06/aboubaker%20zerouki.pdf](http://www.univ-biskra.dz/fac/fll1/images/pdf_revue/pdf_revue_06/aboubaker%20zerouki.pdf), 31 Desember 2013.
- Maydani, 'Abd. al-Rahman Hasan Habannakah al- (1996), *al-Balaghah al-'Arabiyyah Ususuha wa 'Ulumuha wa Fununuha*, Damshiq: Dar al-Qalam.
- Mitwalli, Sabri al- (2003), *al-Tafsir al-Tahlili li al-Qur'an al-Karim*, Kaherah: Maktabah Zahra' al-Sharq.
- Mubarrid, Muhammad bin Yazid al- (t.t), *al-Muqtadib*, Muhammad 'Abd al-Khaliq 'Azimah (ed), Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Mustansir, M. (1992), Dialogue in the Qur'an, *Jurnal Religion & Literature*, 24(1), 1-22.
- Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd
- Sabuni, Muhammad 'Ali al- (1997), *Safwah al-Tafasir*, Kaherah: Dar al-Sabuni.
- Samarra'i, Fadil Saleh (2006), *al-Ta'bir al-Qur'ani*, Amman; Dar 'Ammar.
- Samarra'i, Fadil Salih (2000), *Ma'ani al-Nahw*, Amman: Dar al-Fikr.
- Samarra'i, Fadil Salih (2008), *Ma'ani al-Abniyah fi al-'Arabiyyah*, Amman; Dar al-'Ammar.
- Syed Arabi Aidid (2002), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ya'qub, Amil Badi' (1994), *Mawsu'ah al-Nahw wa al-Sarf wa al-I'rab*, Beirut; Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Zamakhshari, Mahmud bin 'Umar, al- (1995), *al-Kashshaf*, Muhammad Abd.al- Salam Shahin (ed), Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.